



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/01/07 (HQ)

600 POKOK UNTUK PROGRAM TREE FOR A TREE JOHOR

Menyedari kepentingan aspek pemeliharaan dan penghijauan alam sekitar, TNB meneruskan inisiatif tanggungjawab korporat berkaitan alam sekitarnya melalui Program Tree for a Tree dengan menanam 600 pokok teduhan di Laman Muafakat Permas, Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru hari ini.

Penganjuran program ini mula diperkenalkan pada 2015 dengan mensasarkan 12,000 pokok teduhan ditanam di taman-taman awam sehingga hujung tahun ini. Termasuk program pada hari ini, TNB telah menanam sejumlah 8,060 pokok yang melibatkan sepuluh buah taman-taman awam yang terletak di Pahang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur, Kedah, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Terengganu, Selangor dan Johor.

Sementara itu, baki pokok-pokok akan ditanam di dua lagi taman awam yang sudah dikenal pasti iaitu Perak dan Kelantan.

Berucap di Majlis perasmian Tree for a Tree di sini, Pengurus Besar Negeri Johor, Datuk Baderul Sham Saad berkata, TNB sentiasa mengutamakan aspek pemeliharaan persekitaran dan penghijauan dalam mana-mana projek pembinaan TNB.

“Semua ini menzahirkan komitmen TNB dalam menyahut seruan kerajaan ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.”

Program kali ini dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin. Lebih 250 orang sukarelawan terdiri daripada pelajar UiTM Pasir Gudang, Politeknik Metro Johor Bahru, Kolej Komuniti Bandar Tenggara, INSTEADT, Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sultan Ibrahim dan penduduk berhampiran mengambil bahagian dalam program ini.

Turut hadir bersama adalah Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Abdul Rahim Nin. Program Tree for a Tree adalah kerjasama TNB dengan agensi-agensinya kerajaan negeri dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA).

**Dikeluarkan di Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru pada jam 8:00 pagi,
14 Januari 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

media@tnb.com.my